

KEPERCAYAAN BULAN SIAL DALAM MASYARAKAT BAJAU KOTA BELUD, SABAH

THE BELIEF OF INAUSPICIOUS MONTH OF THE BAJAU COMMUNITY OF KOTA BELUD, SABAH

Azmin Pullong^{1*}
Saifulazry Mokhtar^{2*}
Ros Aiza Mohd Mokhtar³
Abd Hakim Mohad⁴
Nurfarain Abdul Rahman⁵

¹Universiti Teknologi Mara Cawangan Sabah Kampus Tawau, (UiTM) (E-mel: azminpullong@uitm.edu.my)

²Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, (UMS) (E-mel: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my)

³Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (E-mel: rosaiza@usim.edu.my)

⁴Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (E-mel: abdhakim@usim.edu.my)

⁵Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia,
(E-mel: farainrahman04@gmail.com)

Article history

Received date : 7-4-2023

Revised date : 8-4-2023

Accepted date : 27-5-2023

Published date : 26-6-2023

To cite this document:

Pullong, A., Mokhtar, S., Mohd Mokhtar, R. A.,
Mohad, A. H., & Abdul Rahman, N. (2023).
Kepercayaan Bulan Sial Dalam Masyarakat Bajau Kota
Belud, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics
and Development (JISED)*, 8 (53), 269 - 277..

Abstrak: Masyarakat Bajau merupakan sebuah kelompok yang kaya dengan warisan khazanah budaya tradisonalnya. Kepelbagaian budaya yang subur ini tampil sebagai simbolik solidariti dan keprihatinan warga Bajau dalam mendepani cabaran kontemporari. Di samping itu, situasi positif ini ditambah dengan kesedaran masyarakat dalam memelihara warisan bernilai secara konsisten dan lestari menjadikan sesebuah pengamalan budaya itu terus subur seiring arus kemodenan. Menelusuri budaya dan kepercayaan bulan sial, boleh dikatakan bahawa amalan ini seolahnya hampir lenyap ditelan zaman. Namun, pada sisi yang lain, masih terdapat segelintir kelompok tegar dalam memelihara kelestariannya sehingga kini iaitu masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji bentuk-bentuk kepercayaan dan pengamalan masyarakat Bajau dalam mendepani dua bulan yang dianggap sial iaitu bulan Muharam dan Safar. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual dan observasi (pemerhatian turut serta) dalam proses pengumpulan data. Informan yang dipilih adalah terdiri daripada golongan tua, ketua adat yang disifatkan sebagai orang yang berpengalaman luas dalam hal berkaitan adat. Kajian ini mendapati, terdapat beberapa bentuk kepercayaan dan pengamalan bulan sial yang boleh diketengahkan yang secara umumnya memberi gambaran bahawa manusia perlu memberi penghormatan dan pelayanan kepada makhluk supernatural yang dipercayai menjadi punca kesialan bulan Muharam dan Safar. Praktik ini perlu dilestarikan sebagai wadah dalam menjamin kerukunan hubungan dan keamanan kehidupan manusia sepanjang dua bulan terbabit.

Kata Kunci: Bajau, Bulan Sial, Muharam, Safar, Supernatural

Abstract: *The Bajau community is a group rich in its traditional cultural heritage. This lush cultural diversity presents itself as a symbol of the solidarity and concern of the people of Bajau in the face of contemporary challenges. In addition, this positive situation coupled with the public's awareness in preserving valuable heritage consistently and sustainably makes cultural practice continue to thrive in line with today's modernity. Tracing the culture and beliefs of the holy moon, it can be said that this practice seems to be almost vanishing in time. However, on the other hand, there are still a few hardcore groups in preserving its sustainability to this day, namely the Bajau community in Kota Belud, Sabah. Therefore, this study aims to examine the forms of trust and practice of the Bajau community in the face of the two months that are considered to be bad, which are the month of Muharam and Safar. This study is qualitatively based on interview and observation (participating observation) in the data collection process. The informants selected are the elderly, the head of customs who is deemed to be a person with extensive experience in customary matters. This study has found that there are several forms of belief and practice of the holy moon that generally give the impression that humans need to pay homage and service to supernatural creatures that are believed to be the cause of the bad luck of the moon of Muharam and Safar. This practice should be preserved as a platform to ensure the harmony of relations and the security of human life throughout the two months.*

Keywords: *Bajau, Shit Moon, Muharam, Safar, Supernatural*

Pengenalan

Kepercayaan terhadap wujudnya bulan sial, panas dan nahas bukanlah suatu keyakinan yang baharu. Jika disingkap dalam konteks sejarah, amalan dan kepercayaan ini telah wujud sejak zaman para nabi dan rasul yang diutuskan Allah SWT untuk berdakwah kepada umat mereka. Dalam al-Quran dan al-Hadis, kepercayaan dan fahaman ini dipanggil sebagai amalan *tatayyur* atau *tiyarah*. Amalan *tatayyur* atau *tiyarah* merupakan amalan menentukan nasib baik atau malang dengan melihat pergerakan dan arah terbangnya burung (al-Halabi, 1995). Masyarakat Jahiliyah suatu ketika dahulu menjadi kepercayaan ini sebagai amalan ketika hendak bermusafir, membuat pilihan, menentukan masa dan hari yang baik dan malang (al-Asqalani, t, th). Dengan bahasa yang mudah, amalan ini berkaitan dengan perasaan atau firasat buruk terhadap sesuatu. Amalan ini tersebar dan turut diwarisi masyarakat di Nusantara terutamanya di Indonesia dan Malaysia dalam bentuk baharu dengan pelbagai ritual dalam implimentasinya. Kepercayaan bulan sial merupakan kepercayaan yang berbentuk universal yang bukan sahaja diyakini oleh orang Melayu sahaja (Ramli, 2019). Tidak dinafikan, kepercayaan dan amalan terhadap bulan sial semakin lenyap ditelan zaman, namun masih terdapat saki baki pengamal yang tegar sehingga ke hari ini. Di Sabah misalnya, masyarakat Bajau tidak terlepas daripada pengaruh ini. Lebih-lebih lagi komuniti Bajau disifatkan sebagai sebuah kelompok yang tegar dalam memelihara kekayaan khazanah budaya dan warisan tradisional. Peranan dan pengaruh serta praktik sesebuah amalan kepercayaan lama masih dominan konteks kehidupan seharian mereka. Dari sudut yang lain, kebimbangan terhadap isu akidah menjadi permasalahan. Dibimbangi generasi muda yang kurang pemahaman agama menganggap bahawa, praktik ini adalah berasal daripada tuntutan agama. Tuntasnya, adat dan agama tidak mampu dibezakan secara baik yang menatijahkan kekeliruan dalam masyarakat. Dukungan dan ketegaran pengamalan adat dalam masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah terbit daripada pengaruh golongan tradisional dan kelompok pemimpin setempat. Ia dirancang lagi dengan kuasa ketua anak negeri yang ditugaskan sebagai pengendali dan pakar rujuk berkaitan adat (Azmin, 2020). Situasi ini turut berlaku dalam konteks kepercayaan dan pengamalan bulan sial yang masih dijaga secara baik sehingga kini. Oleh yang demikian, makalah ini tampil untuk

mengenai pasti apakah bentuk-bentuk praktik yang berkaitan dalam amalan dan kepercayaan bulan sial dalam konteks masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif yang mengaplikasikan kaedah temu bual dan observasi (pemerhatian turut serta) dalam proses mengumpulkan data. Temu bual dijalankan secara berstruktur dan dianalisis menggunakan perisian NVIVO. Kajian ini dilaksanakan pada tahun 2016 sehingga 2018. Seramai lima orang informan ditemu bual yang melibatkan kepakaran khusus berkaitan adat kepercayaan tradisional masyarakat Bajau terutamanya ketua adat. Pemilihan informan adalah berdasarkan pengetahuan, maklumat luas berkaitan adat, pengalaman, kedudukan dan pengaruh mereka dalam masyarakat. Informan diperolehi dengan bantuan institusi mahkamah anak negeri Kota Belud di samping lawatan pengkaji ke lokasi kajian bertemu ketua kampung dan ketua-ketua adat. Temu bual terfokus kepada bentuk-bentuk kepercayaan dan amalan ritual bulan sial yang dilaksanakan setiap tahun. Berkaitan observasi (pemerhatian turut serta), pengkaji perlu membuat temu janji dan mendapatkan maklumat tentang tarikh dan masa sesuatu adat dijalankan. Kajian ini dilaksanakan di tiga buah kampung di daerah Kota Belud, Sabah.

Dapatan Kajian

Dirumuskan bahawa, kajian ini secara umumnya mendokumentasikan bentuk-bentuk kepercayaan dan amalan membuang sial dalam masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah. Secara asasnya, terdapat dua bulan yang dianggap sial, panas dan banyak membawa malapetaka iaitu bulan Muharam dan Safar. Dalam mendepani bahang dua bulan terbabit, terdapat beberapa amalan yang wajib dilakukan sebagai usaha dalam 'memujuk' agar sebarang mudarat tidak berlaku pada ketika itu. Terdapat dua kenduri besar yang perlu dilaksanakan pada dua bulan tersebut. Kenduri Reba Awal dilaksanakan pada bulan Muharam, manakala kenduri Reba Akhir dibuat pada bulan Safar. Dalam kedua-dua kenduri besar ini, terdapat beberapa ritual penting yang akan dipaparkan dalam bahagian perbincangan.

Perbincangan

Masyarakat Bajau secara keseluruhannya adalah beragama Islam. Menjunjung Islam sebagai agama anutan dan mengamalkannya seperti masyarakat Islam yang lain. Namun dalam hal berkaitan implimentasi kepercayaan dan amalan tradisi, kadang kala terselit pelbagai pandang dunia yang berbeza terutamanya melibatkan alam dan makhluk *supernatural*. Seperti masyarakat Melayu Tradisional, pelbagai ritual dipersembahkan sebagai medium mereka untuk berkomunikasi dengan makhluk ghaib. Bagi mereka musibah seperti ribut, gempa bumi, tanah runtuh, kemarau dan sebagainya berpunca daripada makhluk terbabit (Amran Kasimin, 2006). Demikian dalam konteks kepercayaan dan pengamalan bulan sial di bulan Muharam dan Safar. Mereka percaya bahawa, alam ini turut dihuni oleh makhluk *supernatural* yang mampu memberi pengaruh baik mahupun jahat kepada kehidupan manusia. Musibah dan malapetaka yang berlaku pada dua bulan ini dipercayai berpunca daripada kemarahan mereka terhadap manusia. Oleh yang demikian, makhluk ini perlu 'dipujuk', disambut dan dihormati selayaknya dengan pelbagai ritual khusus dalam mendepani bahang bulan sial. Perinciannya dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

Kenduri Reba Awal

Kepercayaan terhadap bulan sial tertumpu kepada dua bulan utama iaitu Muharam dan Safar. Kenduri Reba Awal dilaksanakan sebagai langkah persediaan awal dalam menghadapi dua bulan terbabit. Dengan kata yang lain, kenduri ini dibuat bagi menyambut kedatangan bulan

Muharam yang dilangsungkan selama tiga hari berturut turut bermula 15, 16, dan 17 Muharam. Dalam tempoh ini, terdapat beberapa ritual penting perlu dilaksanakan sebagai tanda ketundukan dan penghormatan manusia makhluk terbabit. Implimentasinya perlulah dilakukan secara tertib dan teliti bagi mengelak sebarang musibah jahat menimpa manusia.

Tarian *Ngalai*

Kenduri Reba awal dimulakan dengan ritual *ngalai* yang berlangsung selam tiga malam berturut-turut iaitu pada 15, 16 dan 17 Muharam. Lazimnya, ritual ini dilangsungkan di rumah ketua adat dengan menghimpunkan ramai tetamu, jiran dekat mahupun jauh. Secara konsepnya, *ngalai* adalah sebuah tarian tanpa sedar yang dipersembahkan oleh beberapa penari dalam keadaan dirasuk makhluk halus. Menurut Puan Aminah Musib, ritual *ngalai* bukan sekadar adegan tarian semata-mata, malah ia merupakan sebuah medan perbincangan dua hala manusia dengan makhluk ghaib yang dianggap mampu memberi pengaruh jahat terutamanya di bulan-bulan sial. Di sebalik itu juga, pelbagai permohonan dipersembahkan kepada makhluk terbabit terutamanya berkaitan keamanan dan keselamatan dari pelbagai bala dan musibah bulan tersebut.

Dalam pada itu, ritual *ngalai* juga tampil sebagai medan rawatan penyakit terutamanya berkaitan mistik dan bawaan makhluk halus. Tarian *ngalai* diiringi dengan paluan alat muzik khusus (*tigam*) dan alunan lagu yang dipanggil selawat memuji makhluk halus. Alunan selawat perlu dilagukan mengikut rentaknya tanpa kesalahan bagi mengelak kemarahan makhluk terbabit. Ketua adat sering mengingatkan kepada para tetamu, agar sentiasa menjaga adab dan tingkah laku sepanjang ritual ini dijalankan. Tindakan seperti memperlekehkan amalan tersebut bakal menatijahkan situasi buruk kepada pelakunya. Wanita yang haid sangat tidak digalakkan untuk menghadiri upacara ini kerana dikhuatiri menimbulkan masalah lain seperti kerasukan dan sebagainya.

Di akhir upacara, para tetamu dihidangkan dengan hidangan khusus dipanggil *letup* (nasi yang digoreng tanpa minyak) dan telur rebus yang dikatakan makanan makhluk halus. Ritual *ngalai* dilihat mempunyai persamaan dengan beberapa jenis tarian tradisional Melayu terutamanya tarian Ulek Mayang. Persamaan ini dilihat dari pelbagai aspek terutama berkaitan intipati dan fungsi pelaksanaannya. Seni tarian dijadikan sebagai medan komunikasi antara manusia dan makhluk ghaib dalam memastikan hubungan keduanya sentiasa rukun dan damai. Di samping itu, persamaan juga wujud dari aspek perasapan atau penyeruan makhluk ghaib, proses pementasan yang menampilkan para penari, peralatan muzik, kostum khusus dan mantera (Hanafiah, 2020).



(Ritual Perasapan)



(Letup dan Telur Rebus)



(Alat Muzik Tigam)

Penyediaan Sasajen di Tebing Sungai

Penyediaan sasajen merupakan ritual penting dalam sambutan kenduri Reba Awal. *Sasajen* disifatkan sebagai jamuan makanan yang disediakan khusus bagi makhluk halus yang dipercayai mampu memberi pengaruh jahat kepada manusia (Kamus dewan edisi keempat). Fungsi utama pelaksanaan jamuan *sasajen* adalah sebagai tanda penghormatan dan ketundukan serta pelayanan manusia kepada makhluk terbabit. Penyediaan *sasajen* dilaksanakan pada hari terakhir iaitu 17 Muharam bermula seawal jam 3 petang. Ritual bermula dengan menyediakan para-para di atas pokok bagi memudahkan makanan dihidangkan. Menurut informan, menu wajib yang perlu dipersembahkan adalah nasi kuning, nasi putih dan nasi hitam yang dibentuk menjadi bebola kecil, hirisan telur rebus, buah kelapa, letup dan sirih. Ketiadaan salah satu hidangan tersebut, boleh mengakibatkan kemarahan makhluk berkenaan. Turut disediakan beberapa jenis menu lain seperti sayur nangka, ikan goreng dan inti kelapa yang dibungkus menggunakan daun pisang (Joungan, 2018).

Sementara itu, turut dipacakkan bendera makhluk halus berwarna putih, kuning dan biru di tebing sungai. Warna bendera dikatakan adalah mewakili jenis makhluk halus yang diseru. Menurut informan, bendera berwarna biru mewakili makhluk yang menghuni lautan dan bendera kuning bagi penghuni daratan. Manakala warna putih khusus bagi penghuni langit. Kelompok makhluk ini turut digelar sebagai Raja Biru, Raja Kuning dan Raja Putih. Bendera berfungsi sebagai isyarat atau petanda lokasi *sasajen* disediakan (Aminah 2018). Setelah selesai, proses penyeruan makhluk halus dilakukan oleh ketua adat. Dalam ritual ini, terdapat beberapa pantang larang yang perlu dipatuhi terutamanya kepada individu yang mengikuti upacara ini. Dilarang keras untuk mengambil gambar mahupun video semasa sesi mantera dibacakan. Dalam pada itu, ketua adat menasihatkan agar jangan sesekali mempersenda, mempelekeh atau mengejek sebarang tindak tanduk dalam ritual tersebut. Aksi sedemikian dikhuatiri menimbulkan masalah lain akibat kemarahan makhluk yang sedang diseru.



(Sasajen di atas Pokok)



(Bendera Berwarna)

Kenduri Sekampung

Seusai sahaja ritual penyediaan *sasajen* di tebing sungai, kenduri sekampung diadakan di kediaman ketua adat. Secara implisitnya, pelaksanaan kenduri sekampung adalah bertujuan memberi penghormatan dan pelayanan kepada makhluk *supernatural* yang menghuni kawasan di sekitar kampung. Uniknyanya, kenduri ini perlu dilaksanakan di halaman rumah dengan menyaksikan kunjungan daripada penduduk kampung dengan membawa pelbagai juadah dan keperluan lain (wang dan beras). Hasil pemerhatian pengkaji, penduduk kampung seolah-olah telah sehati dengan rutin tahunan ini sekali gus menunjukkan bahawa pengamalan ritual ini

telah lestari sejak sekian lama. Penduduk kampung bergotong royong dalam penyediaan makanan sejak awal pagi. Upacara dimulakan selepas waktu asar iaitu sekitar jam 4.00 petang. Bersesuaian dengan intipati pelaksanaan kenduri sekampung, *sasajen* khusus bagi makhluk *supernatural* turut disediakan dan diletakkan di atas beberapa pokok sekeliling halaman rumah. Di samping itu, bendera berwarna turut dipacakkan sebagai isyarat *sasajen* telah tersedia. Setelah itu, ketua adat akan melakukan ritual penyeruan dengan membacakan mantera khusus. Dalam masa yang sama, bacaan tahlil dan doa selamat dilangsungkan dipimpin oleh imam kampung.

Doa selamat dan tahlil bertujuan memohon kepada Allah SWT agar sentiasa memberi perlindungan, keamanan dan dijauhkan dari segala bencana di bulan Muharam dan Safar (Sabdani, 2018). Acara ini dimulakan dengan sesi penyerahan *kifarat* (sedekah) dari penduduk kampung yang berupa beras dan wang kepada *fakir* (imam kampung). Asap kemenyan diperlukan bagi memenuhi kehendak adat. Selesai penyerahan *kifarat*, bacaan tahlil dan doa selamat dimulakan. Upacara ini diakhiri dengan jamuan dan pembahagian wang *kifarat* dan beras kepada penduduk kampung yang memerlukan. Selain itu, helaian kain berwarna turut diagihkan dan perlu dilekatkan pada pintu rumah, bilik dan sebagainya. Kain ini tampil sebagai pendinding dan mampu mengelak sebarang musibah terutamanya gangguan makhluk halus. Hasil pemerhatian pengkaji, upacara kenduri sekampung tampil sebagai medan manusia memohon perlindungan kepada dua sumber yang berbeza iaitu kepada makhluk ghaib dan kepada Allah SWT sebagai tuhan masa berkuasa.



(Kenduri Dilangsungkan)



(Penyerahan Kifarat)

Kenduri Reba Akhir

Kenduri Reba Akhir merupakan kesinambungan dari kenduri Reba Awal. Jika sambutan Reba Awal disifatkan sebagai menyambut kedatangan bulan Muharam, Reba akhir tampil sebagai respon manusia dalam menyambut pemergian bulan Safar. Secara tepatnya, sambutan Reba Akhir bermula pada 13 Safar sehingga 15 Safar. Tarikh ini dipercayai memiliki tahap nahas yang tinggi. Kenduri Reba Akhir menyaksikan beberapa ritual berangkai yang perlu dilaksanakan secara teliti bagi mengelak perkara yang tidak diingini berlaku. Sambutan Reba Akhir juga dimulakan dengan ritual *ngalai* selama tiga malam berturut-turut iaitu pada malam 13 hingga 15 Safar. Pelaksanaannya sama seperti sambutan Reba Awal pada bulan Muharam. Selain *ngalai*, ritual yang lain dijalankan pada 15 Safar iaitu hari kemuncak sambutan Reba Akhir yang dilangsungkan berhampiran tebing sungai. Sambutan ini turut disertai oleh penduduk kampung yang berhampiran.

Doa Selamat Tolak Bala

Acara kemuncak kenduri Reba Akhir dimulakan dengan upacara kenduri doa selamat. Pelaksanaannya sama dengan kenduri sekampung pada bulan Muharam sebelum ini. Dimulakan dengan proses penyediaan *sasajen* di atas beberapa pokok berhampiran tebing sungai dan dipacakkan bendera berwarna bagi menjamu makhluk ghaib yang menghuni kawasan sungai. Setelah itu, ketua adat akan melakukan penyeruan dengan membacakan mantra khusus sebagai simbolik wujudnya interaksi manusia dengan makhluk berkenaan. Dalam masa yang sama, doa selamat tolak bala dilangsungkan di sudut berasingan yang dipimpin oleh imam kampung.

Kemenyan, wang *kifarat* dan beras turut disediakan dan diangihkan setelah ritualnya selesai. Matlamat dan pelaksanaannya juga sama seperti praktik kenduri sekampung sebelum ini. Cuma perbezaannya hanya pada lokasi sahaja. Pelbagai jenis makanan turut dihidangkan kepada semua pengunjung yang bersama-sama memeriahkan sambutan tersebut. Pengunjung juga turut diberikan makanan dalam bentuk *duang* (bungkusan) untuk dibawa pulang.



(Doa Selamat dijalankan)



(Bendera di Pacakkan)



(Sasajen di atas Pokok)

Hanyutkan Ajung

Ritual ini dilangsungkan serentak dengan proses bacaan tahlil dan doa selamat. Pelaksanaannya dipimpin oleh ketua adat bersama ahli kumpulan penari *ngalai*. Secara konsepnya, *ajung* merupakan replika kapal berhias yang disimbolikan dengan makna yang bersifat implisit. Hasil temu bersama puan Aminah, *ajung* dipersepsikan sebagai kenderaan membawa bahang sial dan kepanasan bulan Muharam dan Safar yang disifatkan sarat dengan pelbagai musibah, bala, penyakit dan sebagainya. Dari sudut materialnya, ia dibentuk dengan menggunakan beberapa batang pisang dan beberapa batang buluh kecil. Menariknya, dengan hanya menggunakan material tersebut boleh membentuk replika kapal dengan sebuah pondok kecil di atasnya. Sesuai dengan fungsi *ajung* sebagai pembawa segala bala, musibah dan malapeta buruk, segala peralatan yang digunakan dalam dua upacara besar ini (Reba Awal dan Reba Akhir) akan dimuatkan dan dihanyutkan bersama *ajung*.

Ajung akan memuatkan peralatan muzik tigam, bunga hiasan, bunga-bunga wangian yang disimpan dalam bekas kecil, bendera-bendera kecil pelbagai warna, dua ekor ayam hidup (warna hitam dan putih masing-masing diletakkan di bahagian depan dan belakang *ajung*) dan bekalan makanan khusus makhluk halus yang diletakkan di dalam pondok kecil di atas *ajung* (sama seperti makanan yang diletakkan di atas pokok dalam beberapa ritual sebelum ini).

Timbul persoalan bagaimana dengan ayam hidup yang dihanyutkan. Sebelum *ajung* dihanyutkan, ketua adat akan berinteraksi dengan makhluk halus memohon agar sesiapa mengambil ayam tersebut agar tidak diberi mudarat. Menurutnya, ayam tersebut boleh diambil kerana secara simboliknya ia telah dibeli dengan sekapur sirih, pinang dan *segerit* (rokok) yang dimuatkan di pondok kecil pada *ajung* terbabit. Oleh itu, sebaik sahaja *ajung* dilepaskan ke sungai, ayam akan diambil individu yang ditugaskan. Ritual menghanyutkan *ajung* dipimpin oleh ketua adat dan beberapa orang ahli penari *ngalai*.

Ketika upacara ini, para pengunjung diingatkan agar tidak mengambil gambar atau rakaman video kerana ia melibatkan seruan terhadap makhluk berkenaan. Kesemua ahli penari *ngalai* perlu memegang sebarang objek pada *ajung* sambil melaungkan selawat seperti dalam upacara *ngalai*. Proses ini merupakan ritual kemuncak, iaitu proses interaksi ketua adat dengan makhluk terbabit. Selesai laungan selawat dan bacaan mantera, tali *ajung* akan dilepaskan untuk dihanyutkan.



(*Ajung* sebelum Dihias)



(Penyeruan dilangsungkan)



(*Ajung* dihanyutkan)

Mandi Selamun

Secara konsepnya, mandi *selamun* adalah ritual mandi menggunakan air rendaman daun-daun kelapa yang bertulis ayat al-Quran. Berdasarkan pengamatan pengkaji, ayat al-Quran yang ditulis pada daun kelapa tersebut adalah ayat ke-58 Surah Yāsīn. Air *selamun* dipercayai bertindak sebagai penawar pelbagai penyakit, terutamanya penyakit-penyakit bawaan makhluk halus. Daun-daun kelapa dipotong kecil dan direndamkan ke dalam bekas yang berisi air. Upacara mandi *selamun* beramai-ramai dilangsungkan sejurus selesai ritual menghanyutkan *ajung*. Upacara ini dipimpin oleh ketua adat. Beliau akan merenjiskan air *selamun* kepada semua yang hadir dengan menggunakan daun *temali-mali* yang dipercayai sebagai daun penyembuh kepada penyakit bawaan makhluk halus. Di samping direnjiskan, terdapat beberapa individu membasuh muka, menyiram kepala dan badan menggunakan air penawar tersebut. Menyedari hakikat air *selamun* sebagai penawar, ramai dalam kalangan yang hadir mengisi air tersebut ke dalam botol untuk dibawa pulang. Hasil temu bual yang dijalankan, selain dijadikan air mandian, ia juga boleh diminum dan dipercayai bertindak sebagai pembuang angin dalam badan (Selig Simbol, 2017). Setelah selesai ritual ini, makanan yang dibawa akan diagih-agihkan kepada yang hadir dan bersurai.



(Daun Kelapa direndam)



(Proses mandi dijalankan)



(Daun kelapa bertulis ayat al-Quran)

Penutup

Adat dan kepercayaan disifatkan sebagai lambang identiti suatu bangsa. Adat dan kepercayaan diekspresikan dalam mempersembahkan pandang dunia sesebuah masyarakat. Umumnya, warisan adat dan kepercayaan yang dipaparkan dalam landskap kehidupan suatu rumpun bangsa merupakan warisan nenek moyang yang banyak dipengaruhi oleh unsur animisme, Hindu dan Islam. Hasil pengaruh elemen-elemen tersebut, maka terbentuklah pelbagai adat yang kukuh dan utuh dalam landskap pemikiran segelintir masyarakat khususnya di Sabah termasuklah masyarakat Bajau. Dari satu sudut, kelestarian ini tampil sebagai satu nilai positif lantaran kejayaan warganya dalam memelihara sehingga terus dominan dalam hati pendukungnya sehingga kini. Namun, dalam konteks akidah, situasi ini dilihat bertentangan dengan agama yang dianut memandangkan warga Bajau beragama Islam keseluruhannya. Dapat disimpulkan bahawa, kepercayaan bulan sial dan pengamalan ritualnya masih wujud dalam kalangan masyarakat Bajau di Kota Belud Sabah. Kepercayaan ini secara jelas bertentangan dengan akidah Islam dan boleh mengakibatkan salah laku syirik kepada Allah SWT.

Rujukan

- Al-Asqalānī, I. H. T.th. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut. Dar al-Ma‘rifat.
- Al-Halabi, A. H. (1995). *Miftaah Daaris Sa'aadah*. Kaherah: Daar Ibnu ‘Affan.
- Hanafiah, M. G. (2020). *Transformasi Struktur dalam Persembahan Ulik Mayang*. Jurnal Melayu. Isu Khas Disember 2020.
- Joungan. 2018. *Reba Awal dan Reba Akhir*. 58 Tahun. Kota Belud. 20 April 2018.
- Kamus Dewan. (4th ed.). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kasimin, A. (2006). *Unsur-unsur Menurun dalam Persembahan Teater Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Musib, A. 2018. *Reba Awal dan Reba Akhir*. 65 Tahun. Kota Belud. Temu Bual 14 Mei 2018.
- Pullong, A. (2020). *Penilaian Adat dan Kepercayaan Masyarakat Bajau dari Perspektif Islam*. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Universiti Malaysia Sabah.
- Ramli, M. A. (9 Oktober 2019). Akhiri Kepercayaan Khurafat Bulan Safar. Utusan Malaysia, 23.
- Sabdani. 2017. *Kepercayaan Bulan Sial*. 70 Tahun. Kota Belud. Temu Bual 10 Febuari 2018.
- Selig, S. 2017. *Kepercayaan Bulan Sial*. 68 Tahun. Kota Belud. Temu Bual 18 April 2018.